



# PENYATA

JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI  
BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS)  
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR  
BERKENAAN  
SELANGOR OIL PALM INDUSTRIES CORPORATION (SOPIC)



**PEJABAT DEWAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

Tingkat 1, Bangunan Annex,  
Bangunan Dewan Negeri Selangor,  
40680 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.

Telefon : 03-55447615, 55447616, 55447617, 55447618, 55447422





PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI,  
BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS)  
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN SELANGOR OIL PALM  
INDUSTRIES CORPORATION (SOPIC)

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN  
DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI  
SELANGOR BERKENAAN SELANGOR OIL PALM INDUSTRIES CORPORATION  
(SOPIC)**

**1. PENDAHULUAN**

Selaras dengan Peraturan 68c. (1) – (2) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Kedua, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2014 pada 7 – 11 April dan 14 – 18 April 2014.

**2. PENDENGARAN TERTUTUP**

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2012, Siri 1 pada muka surat 23-36, JP-ABAS telah mengadakan pendengaran tertutup pada 28 Januari 2014 (Selasa) bagi menyiasat dan mendengar taklimat mengenai status kewangan SOPIC (PKPS) dan pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Wakil-wakil daripada SOPIC (PKPS) hadir untuk memberi keterangan di bawah sumpah.

Hadir dalam pendengaran tertutup tersebut:

- |    |  |           |
|----|--|-----------|
| 1. | Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. | Y.B Tuan Khasim bin Abdul Aziz<br>(ADN Lembah Jaya)          | Ahli      |
| 3. | Y.B Tuan Ng Sze Han<br>(ADN Kinrara)                         | Ahli      |
| 4. | Y.B. Puan Yeo Bee Yin<br>(ADN Damansara Utama)               | Ahli      |
| 5. | Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif<br>(ADN Dengkil)           | Ahli      |

## URUS SETIA

- i) Puan Elya Marini binti Darmin  
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)
- ii) Encik Mohd Khairul Ashraff bin Radzali  
Ketua Penolong Setiausaha
- iii) Puan Noor Diana binti Razali  
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iv) Puan Siti Salina binti Muftar  
Setiausaha Pejabat
- v) Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid  
Setiausaha Pejabat
- vi) Cik Apsara Murale  
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

Jabatan yang dijemput adalah Selangor Oil Palm Industries Corporation (SOPIC):

1. Encik Aqmal Azam bin Ahmad  
Timbalan Pengurus Besar PKPS
2. Puan Siti Rahimah binti Jumami  
Penolong Pengurus
3. Puan Nur Azrinie binti Abdul Rahim  
Pembantu Tadbir

### 3. LATARBELAKANG SOPIC (PKPS)

Selangor Oil Palm Industries Corporation (SOPIC) ditubuhkan pada 13 Mac 1974. Pada awal penubuhan SOPIC, SOPIC membangunkan ladang kelapa sawit di Sungai Labu, Daerah Sepang Ladang sebanyak 2,428 hektar, Maran, Pahang sebanyak 2, 140 hektar dan ladang Miri, Sarawak sebanyak 4, 775. Pada masa sekarang, kebanyakan ladang-ladang tersebut dijual dan dipindah hak milik.

Pada tahun 2008, Jemaah Ahli PKPS memutuskan aktiviti ladang kelapa sawit SOPIC dipindahkan dan diusahakan sepenuhnya oleh PKPS. SOPIC melalui resolusi Lembaga Pengarah SOPIC mengambil alih aktiviti Ladang Selangor Fruit Valley(SFV) yang dikendalikan oleh syarikat subsidiarinya PKPS Livestock Farm Sdn Bhd (PLSB).Pada tahun 2009, perkhidmatan kakitangan SOPIC ditamatkan dan kakitangan baru dibekalkan oleh PKPS Management Services.SOPIC mula menceburji bidang penternakan daging ayam dan lembu tenusu dengan menggunakan kakitangan daripada PKPS Management Services pada tahun 2010. Pada tahun yang sama, Jemaah Ahli PKPS pada 6 Disember 2010 membuat keputusan untuk membubarkan SOPIC.

### 4. PENEMUAN AUDIT DAN ISU-ISU PENELITIAN JAWATANKUASA

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Oktober 2012 dan mendapati status kewangan SOPIC(PKPS)pada tahun 2011 adalah memuaskan berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Keuntungan sebelum cukai pada tahun 2011 berjumlah RM 2.26 juta meningkat sejumlah RM 92.72 juta (102.5%) berbanding kerugian sebelum cukai pada tahun 2010 berjumlah RM 90.46 juta. Pada masa sekarang, keuntungan terkumpul SOPIC sehingga 31 Disember 2011 berjumlah RM 21.87 juta.

Walaubagaimanapun, terdapat sembilan kelemahan yang perlu diperbaiki dan secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- (1) Strategi pelaksanaan masih belum dilaksanakan sepenuhnya

- (2) Sumbangan pengeluaran buah-buahan negara dan negeri yang rendah
- (3) Penggunaan kawasan ladang sedia ada yang tidak optimum
- (4) Prestasi pengeluaran, jualan dan keuntungan yang tidak memuaskan
- (5) Dasar/objektif syarikat yang sentiasa berubah
- (6) Sumber manusia tidak mencukupi dan berkemahiran boleh dipertingkatkan
- (7) Kemudahan dan infrastruktur serta penyenggaraan ladang kurang memuaskan.
- (8) Pemantauan kurang berkesan
- (9) Tadbir urus korporat

## 5. PENEMUAN JAWATANKUASA

### 5.1 Strategi pelaksanaan masih belum dilaksanakan sepenuhnya

#### Semakan Audit:

- 1. Setakat bulan September 2012, hanya strategi mengusahakan tanaman buah-buahan komersial yang berdaya saing dilaksanakan. Strategi menjadi pengeksport utama buah-buahan dan makanan dan strategi mencebur industri hiliran makanan belum dilaksanakan.
- 2. Berdasarkan Rancangan Perniagaan 5 tahun, sebanyak 5 jenis tanaman buah perlu diusahakan melibatkan kawasan ladang seluas 550 ekar tetapi hanya 50 ekar buah belimbing diusahakan oleh SOPIC sendiri. 65 ekar buah betik diusahakan oleh PKPS dan 250 ekar tembikai diusahakan secara usaha sama. Nenas dan pisang berangan ditangguhkan dan dibatalkan hasil keputusan mesyuarat lembaga pengarah SOPIC pada 18 September 2009 dan 24 Mac 2010.

#### Perakuan SOPIC:

- 1. SOPIC tidak dapat melaksanakan dua strategi yang lain kerana bekalan tenaga buruh yang tidak mencukupi dan harga buah-buahan yang turun naik.
- 2. Rancangan Perniagaan 5 Tahun yang diluluskan pada tahun 2009 telah diganti pada tahun 2012.

#### Penemuan Jawatankuasa:

## AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS):

- |   |           |
|---|-----------|
| i) Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| ii) Y.B Tuan Khasim bin Abdul Aziz<br>(ADN Lembah Jaya)         | Ahli      |
| iii) Y.B Tuan Ng Sze Han<br>(ADN Kinrara)                       | Ahli      |
| iv) Y.B. Puan Yeo Bee Yin<br>(ADN Damansara Utama)              | Ahli      |
| v) Y.B. Puan Gan Pei Nei<br>(ADN Rawang)                        | Ahli      |
| vi) Y.B. Tuan Amirudin bin Shari<br>(ADN Batu Caves)            | Ahli      |
| vii) Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif<br>(ADN Dengkil)         | Ahli      |

Penyata ini disediakan oleh Y.B. Tuan Ng Sze Han (Ahli) dan Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Ahli) Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JP-ABAS di mesyuarat Jawatankuasa pada 25 Februari 2014.

Disahkan oleh:

YB Tuan Haji Saari bin Sungib

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat  
(JP-ABAS)

1. Pada tahun 2009, perkhidmatan kakitangan SOPIC telah ditamatkan. Kakitangan baru dibekalkan oleh PKPS Management Services Sdn Bhd yang dilantik dari sektor swasta kerana budaya kerja yang lebih efektif dan efisien.
2. Rancangan Perniagaan 5 Tahun 2012 lebih menumpu kepada ladang komersial, program pembangunan usahawan tani untuk menggalakkan petani kecil-kecilan yang berkebolehan mengusahakan tanah bagi pihak SOPIC dan juga daging ayam dan susu lembu bagi pasaran domestik.
3. Di bawah rancangan ini juga, PKPS akan mengambil alih kesemua aset dan liabiliti SOPIC dan SFV akan menjadi projek langsung PKPS dan PLSB pula akan menjadi sebuah syarikat subsidiari PKPS.

### **5.2 Sumbangan pengeluaran buah-buahan negara dan negeri yang rendah**

#### **Semakan Audit:**

1. SOPIC hanya menyumbang kepada 2 daripada 5 jenis tanaman buah utama iaitu rambutan dan tembikai.
2. Sumbangan pengeluaran buah-buahan yang diusahakan sendiri oleh SOPIC pada tahun 2010 dan 2011 adalah tidak memberangsangkan kerana tidak mencapai 10% daripada jumlah pengeluaran di Negeri Selangor. Pada tahun 2010, jumlah pengeluaran yang tertinggi ialah buah belimbing dan jambu batu iaitu 1.7% dan 2.4% masing-masing. Pada tahun 2011, jumlah pengeluaran yang tertinggi ialah buah jambu batu sebanyak 9.3% dan pulasan 6.9%.
3. Sumbangan pengeluaran secara usaha sama tidak melebihi 50%. Buah tembikai merupakan jumlah pengeluaran yang tertinggi berbanding dengan nangka.
4. Sumbangan pengeluaran buah-buahan SFV bagi tahun 2010 dan 2011 adalah tidak memberangsangkan kerana tidak mencapai 10% daripada jumlah pengeluaran negara. Belimbing dan jambu batu masing-masing menyumbang 0.9% dan 0.1% pada tahun 2010. Pada tahun 2011, belimbing, jambu batu dan pulasan masing-masing menyumbang 0.3%, 0.1% dan 0.1%.

#### **Perakuan SOPIC:**

Sumbangan pengeluaran buah negara dan negeri merosot kerana mulai tahun 2010, SOPIC tidak lagi mengeksport buah kerana merugikan dan fokus SOPIC adalah pasaran komersial tempatan.

#### **Penemuan Jawatankuasa:**

SOPIC telah memberi tumpuan kepada pasaran domestik sahaja untuk mengurangkan risiko SOPIC mengalami kerugian daripada aktiviti pengeksportan buah-buahan ke pasaran luar negara

yang mempunyai banyak ketidakpastian ekoran daripada terma-terma urusniaga yang ditetapkan oleh para pengimport.

### 5.3 Penggunaan kawasan ladang sedia ada yang tidak optimum

#### Semakan Audit:

1. Sehingga 18 Oktober 2012, sebanyak 134 ekar daripada 875 ekar kawasan ladang sedia ada tidak diusahakan meliputi tanah untuk tanaman belimbing, mangga dan durian belanda.
2. Keadaan ini menyebabkan SOPIC kehilangan hasil jualan dan pembaziran wang pajakan masing-masing dianggarkan berjumlah RM940,036 dan RM23,090 bagi tahun 2010 dan 2011.

#### Perakuan SOPIC:

1. SOPIC tidak mempunyai tenaga buruh yang mencukupi berbanding keluasan tanaman ladang yang luas.
2. Mengikut SOPIC, tambahan seramai 588 orang tenaga buruh diperlukan berbanding dengan 31 tenaga buruh sedia ada bagi memastikan pengeluaran hasil tanaman dapat dioptimumkan sepenuhnya.

#### Penemuan Jawatankuasa:

1. SOPIC cuba mengatasi kekurangan tenaga buruh dengan usaha sama bersama Agri Farm Exotic, Divikana Enterprise dan Venus Indulgence tetapi ketiga-tiga usaha sama ini telah gagal.
2. Sejak tahun 2012, kerja pemulihan buah mangga dan durian belanda sedang dijalankan.

### 5.4 Prestasi pengeluaran, jualan dan keuntungan yang tidak memuaskan

#### Semakan Audit:

1. Pemasaran SOPIC tidak dapat mencapai sasaran pengeluaran dan keuntungan yang ditetapkan.
2. SOPIC tidak menetapkan sasaran pengeluaran.
3. SOPIC tidak mempunyai pasukan pemasaran yang mencukupi.
4. Prestasi jualan keseluruhan meningkat walaupun tidak mencapai sasaran. Sasaran yang ditetapkan oleh SOPIC semakin menurun berbanding tahun-tahun sebelumnya.
5. SOPIC mengalami kerugian sebenar sebanyak RM0.14 juta pada kadar 21.5% pada tahun 2010 berbanding sasaran keuntungan yang ditetapkan.

8. Mulai tahun 2010 hingga kini SOPIC hanya buat pelaburan yang dapat berikan jaminan pulangan dan keuntungan.

#### Penemuan Jawatankuasa:

Tadbir urus korporat SOPIC memuaskan tetapi harus dipertingkatkan lagi dengan mematuhi semua peraturan dan pekeliling yang berkuat kuasa berkaitan dengan tadbir urus korporat serta menerima pakai amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (2007).

### 6. SARANAN JAWATANKUASA

Jawatankuasa mengambil maklum ulasan Audit (muka surat 44 – 45) bahawa operasi SOPIC akan dikecilkan dan syarikat ini akan didormakan pada penghujung tahun 2014. Mulai tahun 2015, PKPS akan mengambil alih kesemua aset dan liabiliti SOPIC selaras dengan penyusunan semula aktiviti PKPS dan syarikat subsidiarinya. SFV (Selangor Fruits Valley) akan menjadi projek langsung PKPS dan PLSB (PKPS Livestock Farm Sdn Bhd) pula akan menjadi sebuah syarikat subsidiari PKPS yang mengusahakan projek penternakan ayam daging dan lembu tenusu sedia ada. Dengan hala tuju itulah, Jawatankuasa memberi saranan seperti berikut:

1. SOPIC (PKPS) hendaklah berusaha meningkatkan daya saing dan hasil jualan.
2. SOPIC (PKPS) hendaklah memastikan bahawa aktiviti perladangan PKPS mempunyai sumber manusia yang mencukupi dan pengurusan ladang yang cekap.
3. SOPIC (PKPS) hendaklah mengadakan pemantauan yang berkesan melalui tindakan susulan yang segera terhadap semakan audit, perakuan SOPIC dan penemuan Jawatankuasa yang dibangkitkan dalam Perkara 5.1 – 5.9 dalam Penyata ini.

1. Keanggotaan Lembaga Pengarah SOPIC tidak mempunyai pengarah bukan eksekutif yang bebas dan berpengalaman selaras dengan amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (2007).
2. Tiada pembayaran dividen dibuat kepada Kerajaan Negeri selepas tahun 1995 kerana trend keuntungan SOPIC tidak memberangsangkan.
3. Tiada bayaran bonus dibuat kerana trend keuntungan tidak konsisten
4. SOPIC tidak mewujudkan Unit Audit Dalaman (UAD) tetapi UAD PKPS menjadi UAD kepada SOPIC.
5. Rancangan Perniagaan Tempoh 5 Tahun (2010 hingga 2014) yang baru tidak menyeluruh dan tidak lengkap seperti yang ditetapkan dalam Pekeling Perbendaharaan kerana ia tertumpu kepada aktiviti perladangan sahaja.
6. SOPIC telah membuat pelaburan di dua syarikat iaitu C & G Plastics Industries (C & G) dan PKPS Livestock Farm (PLFSB) yang mengalami kerugian terkumpul sebanyak RM13.36 juta dan RM365,103 masing-masing. C & G tidak aktif sejak tahun 1999.
7. SOPIC telah melabur dalam Simpanan Tetap dan Saham Tersiar Harga serta pembelian Ahli Kelab yang berjumlah RM11.73 juta.

#### **Perakuan SOPIC:**

1. Pelantikan Lembaga Pengarah SOPIC tertakluk kepada kelulusan Jemaah Ahli PKPS.
2. Bajet Tahun 2013 SOPIC telah memperuntukkan 10% bayaran dividen ke atas keuntungan syarikat.
3. SOPIC bergantung kepada UAD PKPS untuk menjalankan kerja-kerja pengauditan secara dalaman
4. Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan tersebut ditubuhkan pada 19 Ogos 2011 dan telah mengadakan mesyuarat secara berjadual iaitu 4 kali setahun.
5. Rancangan Perniagaan 5 Tahun SOPIC (Tahun 2010 – 2014) tidak dibentangkan kepada PKPS kerana Jemaah Ahli PKPS pada 6 Disember 2010 membuat keputusan untuk membubarkan SOPIC.
6. SOPIC mempunyai SOP pengurusan kewangan semasa mengurus dan mengawal urusan kewangan syarikat.
7. SOPIC tidak menutup/menamatkan syarikat subsidiari yang rugi kerana syarikat tidak mempunyai liabiliti dan boleh digunakan untuk menjalankan aktiviti lain. Ada eluan percukaian.

6. Prestasi keuntungan meningkat sebanyak RM 0.34 juta (242.9%) kepada RM 0.20 juta berbanding tahun 2010.
7. Sasaran keuntungan buah-buahan kurang daripada 50%.

#### **Perakuan SOPIC:**

1. SOPIC tidak menyediakan Rancangan Strategik Pemasaran yang menyeluruh sebagai garis panduan hala tuju aktiviti pemasaran untuk menembusi pasaran besar seperti Giant dan Tesco.
2. Unit Pemasaran hanya diuruskan oleh seorang pegawai pemasaran dan dibantu oleh 2 orang kakitangan di mana salah satu daripadanya merupakan penyelia kiosk PKPS Farm Outlet yang tidak terlibat dalam melaksanakan strategi pemasaran.
3. Sasaran jualan, pengeluaran dan keuntungan menurun setiap tahun. Jumlah jualan bagi tahun 2010 dan 2011 menurun secara mendadak dari RM362,909 pada tahun 2010 kepada RM90,531 pada tahun 2011. Sehingga September 2012, jualan adalah sebanyak RM66,938.

#### **Penemuan Jawatankuasa:**

1. Sasaran prestasi pengeluaran, jualan dan keuntungan menurun setiap tahun kerana musim buah-buahan dan juga bergantung kepada *supply and demand* pasaran.
2. Walaupun pada tahun 2010, SOPIC mengalami kerugian sebenar sebanyak RM0.14 juta pada kadar 21.5% berbanding sasaran keuntungan yang ditetapkan tetapi pada tahun 2011, prestasi keuntungan meningkat sebanyak RM0.34 juta (242.9%) kepada RM0.20 juta berbanding tahun 2010.

#### **5.5 Dasar/objektif syarikat yang sentiasa berubah**

#### **Semakan Audit:**

Sejak penubuhan SOPIC bermula tahun 1974, SOPIC telah mengalami beberapa kali perubahan struktur operasinya disebabkan perubahan dasar Jemaah Ahli PKPS dan Lembaga Pengarah SOPIC

#### **Perakuan SOPIC:**

Sejak bulan Ogos 2008 ke April 2010 hingga sekarang, SOPIC telah mengalami empat perubahan dasar syarikat di mana isu untuk menyambung operasi SOPIC atau menutup SOPIC diubah dua kali dan kegiatan utama SOPIC diubah dari buah-buahan kepada aktiviti ternakan.

#### **Penemuan Jawatankuasa:**

SOPIC tidak dapat berdaya saing dengan pasaran semasa dan pegawai/kakitangan tidak dapat member fokus sepenuhnya untuk merealisasikan matlamat syarikat.

#### **5.6 Sumber manusia tidak mencukupi dan berkemahiran boleh dipertingkatkan**

##### **Semakan Audit:**

Tiada bukti latihan berkaitan ladang diberikan kepada pekerja ladang bagi meningkatkan kemahiran mereka.

##### **Perakuan SOPIC:**

Kemahiran yang ada pada pengurus ladang dan pekerja ladang hanya diperoleh melalui *on the job training*.

##### **Penemuan Jawatankuasa:**

1. Bagi pekerja ladang, latihan pengurusan dan kemahiran yang lebih formal secara teori kurang sesuai kerana kerja yang dijalankan merupakan *unskilled labour*.
2. SOPIC memberi latihan pengurusan dan kemahiran yang lebih formal kepada kakitangan yang mengurus ladang.

#### **5.7 Kemudahan dan infrastruktur serta penyenggaraan ladang kurang memuaskan**

##### **Semakan Audit:**

1. Peralatan dan bahan pembungkusan di letak di tempat terbuka yang boleh terdedah kepada pencemaran.
2. Terdapat kerosakan tiang bangunan dan bumbung di Pusat Pengumpulan Hasil Buah-buahan yang tidak diselenggara.
3. Baja disimpan di tempat yang tidak tertutup.
4. Lori yang berkapasiti 3 tan dan sebuah traktor telah rosak.
5. SOPIC tidak menyenggara ladang secara berkala memandangkan program penyenggaraan ladang di SFV tidak disediakan secara menyeluruh.
6. Kawasan ladang tidak disenggara dengan baik dipenuhi dengan semak-samun, tidak diusahakan dan tidak dijaga.
7. Kawasan tanaman jambu air dibersihkan dan dijaga

##### **Perakuan SOPIC:**

1. Selepas teguran Audit, baja disimpan di tempat tertutup.
2. Jentera tidak dibaik pulih kerana tiada keperluan penggunaan memandangkan pekerja tidak mencukupi.
3. Kekurangan tenaga kerja menyebabkan kerja penyenggaraan ladang tidak dilaksanakan. Penyenggaraan dijalankan oleh kontraktor mengikut keperluan dari semasa ke semasa.
4. Usaha mengambil buruh asing telah dan sedang digiatkan.

##### **Penemuan Jawatankuasa:**

1. Penyenggaraan Pusat Pengumpulan Hasil dilaksanakan mengikut keperluan dan keselamatan pekerja diutamakan dengan menubuhkan sebuah Jawatankuasa OSHA.
2. Penyenggaraan ladang kurang memuaskan kerana kekurangan tenaga buruh.

#### **5.8 Pemantauan kurang berkesan**

##### **Semakan Audit:**

1. Mesyuarat SOPIC hanya membincangkan antara 2 hingga 5 daripada 9 perkara/isu/masalah berkaitan dengan ladang yang perlu dibincangkan termasuk mekanisme penyelesaian yang dibuat terhadap setiap isu yang dibangkitkan dalam mesyuarat.
2. Mesyuarat PKPS mendapati perkara yang kerap dibincangkan ialah penyenggaraan ladang dan prestasi pengeluaran buah-buahan. Perkara lain kurang dibincangkan.
3. PKPS mengadakan lawatan fizikal untuk tujuan pemantauan sebanyak 3 kali iaitu pada bulan Januari, Julai dan September.

##### **Perakuan SOPIC:**

Beberapa kaedah pemantauan dilakukan termasuk mesyuarat dwi-bulanan pengurusan SFV, mesyuarat lembaga pengarah SOPIC, mesyuarat mingguan pengurusan PKPS, lawatan kerja oleh PKPS dan laporan bulanan projek oleh SOPIC kepada PKPS.

##### **Penemuan Jawatankuasa:**

Walaupun pemantauan dijalankan oleh SOPIC, hasil daripada pemantauan tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan tenaga buruh.

#### **5.9 Tadbir urus korporat**

##### **Semakan Audit:**